

---

## 4. KUTIPAN TUNTUTAN PENGHUTANG GANTI RUGI CUTI BELAJAR

Universiti Kebangsaan Malaysia  
Kementerian Pengajian Tinggi

---

### 1. LATAR BELAKANG

1.1. Pelan Strategik T.E.R.A.S UKM 2021-2025 bagi Prakarsa Ekosistem Penyelidikan menyatakan keperluan “Meningkatkan Penerbitan Berimpak Tinggi” dan “Meningkatkan Penyelidikan Rentas Disiplin bersama Rakan Antarabangsa”. Sehubungan itu, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berusaha meningkatkan hubungan kerjasama dengan universiti tersohor dan menggalakkan kakitangan akademik mengikuti program sabbatical/penyelidikan/kursus/latihan jangka pendek di dalam dan luar negara. Secara tidak langsung inisiatif ini dapat meningkatkan kepakaran dan ilmu kakitangan UKM dalam bidang yang telah dikenal pasti.

1.2. Bagi tujuan tersebut, kakitangan UKM memperoleh tajaan biasiswa UKM/skim tajaan biasiswa Kerajaan dan agensi/syarikat swasta yang bekerjasama dengan UKM bagi melanjutkan pengajian di peringkat ijazah, sarjana, doktor falsafah dan sub kepakaran sama ada di dalam atau di luar negara. Bagi kakitangan yang memperoleh tajaan biasiswa UKM/skim tajaan biasiswa, pihak UKM akan membiayai perbelanjaan latihan atau pengajian serta membayar gaji dan elaun tertakluk kepada syarat yang terkandung dalam perjanjian. Bagi penajaan bersama, UKM selaku majikan bertanggungjawab dalam urusan pembayaran gaji/elaun semasa belajar termasuk kemudahan lain yang disediakan bagi keluarga pelajar. Sebaliknya, bagi urusan biasiswa seperti elaun sara hidup, elaun buku, perkakas, yuran pengajian dan lain-lain kemudahan yang layak akan diuruskan oleh penaja.

1.3. Sekiranya Perjanjian Cuti Belajar tersebut gagal dipenuhi, penerima biasiswa perlu membayar semula jumlah perbelanjaan yang telah ditanggung oleh UKM. Penerima biasiswa yang mungkir atau pecah kontrak terhadap perjanjian tersebut dikategorikan sebagai penghutang ganti rugi cuti belajar. Berdasarkan Laporan Pengumuman Penghutang pada 31 Disember 2021, UKM mempunyai seramai 191 penghutang ganti rugi cuti belajar dengan baki hutang berjumlah RM32.8 juta. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 4.1**.


**JADUAL 4.1**  
**KATEGORI PENGHUTANG**  
**GANTI RUGI CUTI BELAJAR PADA 31 DISEMBER 2021**

KATEGORI	BILANGAN PENGHUTANG	KOS PECAH KONTRAK ASAL (RM Juta)	BAKI HUTANG PADA 31.12.2021 (RM Juta)
Masih berkhidmat	13	4.94	1.81
Berhenti berkhidmat	170	46.96	29.25
Diluluskan penangguhan pembayaran hutang	8	3.40	1.74
<b>JUMLAH</b>	<b>191</b>	<b>55.30</b>	<b>32.80</b>

Sumber: Pejabat Penasihat Undang-undang (PPUU) UKM

1.4. Unit Perkembangan Kerjaya di bawah Bahagian Sumber Manusia (BSM) adalah bahagian yang bertanggungjawab terhadap penawaran biasiswa kakitangan dan pemantauan kemajuan pengajian Pemegang Biasiswa. Tuntutan ganti rugi dan penentuan jumlah tuntutan bagi penghutang ganti rugi cuti belajar pula diuruskan oleh Pejabat Penasihat Undang-undang (PPUU) UKM. Proses Kerja Tuntutan Ganti Rugi Cuti Belajar terhadap penghutang pecah kontrak atau penghutang ganti rugi belajar adalah seperti dalam **Rajah 4.1**.

**RAJAH 4.1**  
**Proses Kerja Tuntutan Ganti Rugi Cuti Belajar**  
**(Untuk Pegawai Yang Letak Jawatan/Ditamatkan)**



Sumber: PPUU UKM

## 2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada tuntutan dan kutipan hutang daripada penghutang ganti rugi cuti belajar di UKM adalah selaras dengan Perjanjian Cuti Belajar, garis panduan, prosedur dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

## 3. SKOP DAN METODOLOGI AUDIT

3.1. Pengauditan dijalankan terhadap senarai penghutang ganti rugi cuti belajar dari tahun 2015 hingga 2021 yang menerima tajaan daripada pihak UKM/skim tajaan Kerajaan dengan menyemak dan memeriksa fail, rekod serta dokumen perjanjian seperti fail individu penghutang dari PPUU dan BSM UKM.

3.2. Temu bual dengan pegawai yang terlibat turut dijalankan untuk mengesahkan maklumat yang diperolehi melalui pengauditan yang telah dijalankan.

3.3. Sampel yang diaudit meliputi 77 (40.3%) sampel penghutang dengan kos pecah kontrak berjumlah RM22.20 juta daripada 191 penghutang ganti rugi cuti belajar pada 31 Disember 2021. Pemilihan sampel adalah secara rawak dalam strata atau kategori penghutang. Butiran pensampelan yang lengkap adalah seperti dalam **Jadual 4.2**.

**JADUAL 4.2**  
**SAMPEL PENGHUTANG GANTI RUGI CUTI BELAJAR**

KATEGORI	POPULASI PENGHUTANG	SAMPEL BILANGAN PENGHUTANG	PERATUS SAMPEL DARI POPULASI	KOS PECAH KONTRAK (RM Juta)	BAKI HUTANG PADA 31.12.2021 (RM Juta)
Masih berkhidmat	13	10	5.2	4.84	1.22
Berhenti berkhidmat	170	65	34.0	15.99	11.66
Diluluskan penangguhan pembayaran hutang	8	2	1.1	1.37	0.62
<b>JUMLAH</b>	<b>191</b>	<b>77</b>	<b>40.3</b>	<b>22.20</b>	<b>13.50</b>

Sumber: PPUU UKM

## 4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan pada bulan September 2021 dan Januari 2022 di PPUU UKM, Jabatan Bendahari dan BSM UKM. Maklum balas daripada UKM diterima pada 20 Julai 2022, 7 September 2022, 20 Oktober 2022 dan 30 Disember 2022. Perkara yang ditemui serta maklum balas telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup yang diadakan pada 22 Ogos 2022. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan Audit adalah seperti di perenggan 4.1 dan 4.2.

#### 4.1. Kutipan Bayaran Balik Tuntutan Ganti Rugi Cuti Belajar Berjumlah RM0.64 Juta Gagal Dikutip

- a. Klausa 8, Perjanjian Cuti Belajar yang ditandatangani sebelum tahun 2013 dan klausa 6 dan 9 bagi perjanjian yang ditandatangani selepas tahun 2013 menjelaskan mengenai tindakan yang perlu dilaksanakan oleh penerima biasiswa selepas tamat cuti belajar. Klausa tersebut menjelaskan Perjanjian Cuti Belajar boleh ditamatkan oleh UKM dan pelajar dikehendaki untuk membayar balik semua wang yang telah dibayar/dibelanjakan untuk urusan pengajian sekiranya pelajar gagal menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan oleh UKM atau memilih untuk tidak berkhidmat di UKM atau meletakkan jawatan semasa dalam tempoh kontrak.
- b. Berhubung penetapan kadar bayaran balik ganti rugi, Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bilangan 5 Tahun 2008 pada 9 Oktober 2008 bersetuju supaya bayaran balik ganti rugi permulaan dibuat pada kadar 10% secara sekali gus dan bakinya dibayar secara ansuran setiap bulan mengikut pengiraan dan tempoh seperti dalam **Jadual 4.3**.

**JADUAL 4.3**  
**KADAR BAYARAN BALIK GANTI RUGI**

JUMLAH TUNTUTAN GANTI RUGI	TEMPOH BAYARAN BALIK
Kurang daripada RM50,000	4 tahun (48 bulan)
RM51,000 hingga RM100,000	7 tahun (84 bulan)
RM101,000 hingga RM150,000	10 tahun (120 bulan)
Lebih daripada RM150,000	12 tahun (144 bulan)

Sumber: PPUU UKM

- c. Semakan Audit mendapati seramai 178 penghutang ganti rugi cuti belajar telah ditamatkan perkhidmatan oleh UKM kerana melanggar perjanjian cuti belajar dengan jumlah kontrak RM17.36 juta. Daripada jumlah ini, seramai 160 penghutang ganti rugi cuti belajar yang ditamatkan perkhidmatan tersebut telah dan sedang membuat bayaran. Namun begitu, sejumlah RM0.87 juta bayaran balik tuntutan ganti rugi cuti belajar telah gagal dikutip daripada 18 orang penghutang tersebut kerana kelewatan dalam melaksanakan tindakan menuntut bayaran ganti rugi.
- d. Semakan Audit juga mendapati Proses Kerja Tuntutan Ganti Rugi Cuti Belajar tidak menetapkan ketetapan tempoh untuk pengeluaran surat peringatan kepada penerima biasiswa. Proses kerja tersebut hanya dikemas kini pada tahun 2020 dan menetapkan surat peringatan akan dikeluarkan sebanyak tiga kali (dalam

tempoh empat bulan sekali) kepada penerima biasiswa dan penjamin sebelum tindakan mahkamah diambil. Butiran terperinci perkara ini adalah seperti berikut:

#### 4.1.1. Ansuran Bulanan Bayaran Balik Tuntutan Ganti Rugi Cuti Belajar Berjumlah RM486,526 Gagal Dikutip

- a. Semakan Audit mendapati daripada 178 penghutang ganti rugi cuti belajar, seramai **tujuh orang pegawai tidak membuat bayaran balik Ganti Rugi Cuti Belajar yang melanggar perjanjian cuti belajar antara tahun 2015 hingga 2018**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 4.4**.

**JADUAL 4.4**  
**SENARAI TUNGGAKAN**  
**BAYARAN BALIK PENGHUTANG SEHINGGA 31 DISEMBER 2021**

BIL.	PENGHUTANG	TARIKH MUNGKIR/PECAH KONTRAK	HAD MASA TINDAKAN	KOS PECAH KONTRAK (RM)	JUMLAH	
					ANSURAN TAHUNAN (RM)	TUNGGAKAN BAYARAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2021 (RM)
1.	P1	11.08.2015	11.08.2021	195,173	14,638	90,365
2.	P2	14.11.2015	14.11.2021	284,883	21,366	129,978
3.	P3	14.11.2015	14.11.2021	146,507	6,000	36,500
4.	P4	31.08.2016	31.08.2022	134,425	12,098	64,524
5.	P5	26.02.2017	26.02.2023	184,555	13,842	65,461
6.	P6	26.10.2017	26.10.2023	195,607	14,670	61,127
7.	P7	22.12.2018	22.12.2024	100,000	12,857	38,571
<b>JUMLAH</b>				<b>1,241,150</b>	<b>95,471</b>	<b>486,526</b>

Sumber: Jabatan Bendahari dan PPUU UKM

- b. Bayaran ansuran ganti rugi cuti belajar ini gagal dikutip kerana kelewatan pihak UKM menguatkuasakan pembayaran terhadap penghutang berdasarkan tempoh yang sepatutnya. Bahagian yang bertanggungjawab juga tidak memantau dan menuntut bayaran balik tuntutan ganti rugi daripada penghutang yang tidak menjelaskan bayaran ansuran tersebut. Kegagalan dalam melaksanakan tuntutan ganti rugi cuti belajar ini menyebabkan sejumlah RM486,526 telah gagal dikutip.

#### **Maklum balas UKM yang diterima pada 16 Oktober 2022**

UKM memaklumkan seramai tujuh penghutang yang telah pecah kontrak ini telah diambil tindakan seperti berikut:

Kes Penghutang P1-P3: PPUU UKM telah melaksanakan tindakan secara pentadbiran melalui pengeluaran surat peringatan. Justeru, penghutang sedang membuat bayaran.

Kes Penghutang P4: Penghutang gagal hadir ke mahkamah dan oleh itu pihak peguam telah memfailkan penghakiman ingkar kehadiran terhadap penghutang pada 13 Oktober 2022. Sekiranya penghutang masih gagal membayar, tindakan pelaksanaan penghakiman melalui kebangkrapan akan dilaksanakan.

Kes Penghutang P5: Notis permohonan dan affidavit sokongan untuk penghakiman terus telah difailkan pada 10 Oktober 2022. PPUU UKM masih menunggu arahan seterusnya daripada pihak mahkamah.

Kes Penghutang P6: Arahan telah diberikan kepada pihak peguam untuk memulakan proses saman pada 27 September 2022. PPUU UKM masih menunggu draf notis tuntutan daripada peguam.

Kes Penghutang P7: Writ saman dan pernyataan tuntutan telah difailkan pada 8 September 2022. Pengurusan kes seterusnya telah ditetapkan pada 7 November 2022 untuk memaklumkan kepada mahkamah berkenaan status serahan kertas kausa kepada penghutang.

#### **4.1.2. Baki Hutang Bayaran Balik Tuntutan Ganti Rugi Cuti Belajar Berjumlah RM149,753 Telah Dihapus Kira**

- a. Akta Had Masa 1953 [*Akta 254*] adalah akta mengenai istilah *statute-barred* yang menjelaskan suatu tindakan yang ditolak di mahkamah kerana telah difailkan melebihi tempoh masa yang diperuntukkan oleh statut. Dalam prosiding di mahkamah, penentuan sama ada suatu tindakan itu dihalang oleh statut kerana telah melebihi had masa atau tidak, akan ditentukan melalui tempoh masa yang diambil oleh pihak menuntut dalam memfailkan dokumen tuntutannya. Tindakan adalah merujuk kepada tindakan mahkamah atau apa-apa prosiding lain di mahkamah atau tuntutan sivil di mahkamah.
- b. Subseksyen 6(1), Akta Had Masa 1953 [*Akta 254*] mengenai had masa tindakan mengenai kontrak dan tort dan tindakan lain yang tertentu menetapkan bahawa tindakan berikut tidak boleh dibawa selepas tamat tempoh enam tahun dari tarikh kausa tindakan itu terakru, iaitu:
  - i. Tindakan yang berasaskan kontrak atau tort;
  - ii. Tindakan untuk menguatkuasakan suatu ikatan;
  - iii. Tindakan untuk menguatkuasakan suatu award; dan

- iv. Tindakan untuk mendapatkan kembali apa-apa wang menurut kuasa mana-mana undang-undang bertulis selain daripada penalti atau pelucuthakan atau sejumlah wang sebagai penalti atau pelucuthakan.
- c. Semakan Audit terhadap Proses Kerja Tuntutan Ganti Rugi Cuti Belajar yang berkuat kuasa pada 31 Januari 2020 mendapati kes tindakan terhadap penerima biasiswa yang gagal membuat pembayaran hanya akan dirujuk ke panel peguam untuk tindakan undang-undang selepas tempoh 12 bulan daripada tarikh surat peringatan pertama dikeluarkan kepada penerima biasiswa.
- d. Bagi tujuan tersebut, PPUU UKM telah mengeluarkan surat peringatan dan mengambil tindakan undang-undang serta tindakan susulan mulai 31 Januari 2020. Antara tindakan yang diambil ialah merujuk kes penghutang ganti rugi cuti belajar kepada panel peguam/agensi untuk tindakan mengutip bayaran ganti rugi. **Bagaimanapun, kutipan bayaran ganti rugi cuti belajar bagi 10 orang penghutang berjumlah RM149,753 tidak dapat dilaksanakan kerana pelbagai faktor antaranya adalah kelewatan mengambil tindakan terhadap penghutang yang menyebabkan tempoh tuntutan telah melebihi Akta Had Masa 1953 [Akta 254].** Selaras dengan Akta Had Masa 1953 [Akta 254], tindakan perundangan atau prosiding di mahkamah tidak dapat dilaksanakan kerana dihalang oleh statut, iaitu telah melebihi had dalam memfailkan dokumenuntutannya. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 4.5**.

**JADUAL 4.5**  
**SENARAI HUTANG YANG TELAH DIHAPUS KIRA**

BIL.	PENGHUTANG	KOS PECAH KONTRAK (RM)	TARIKH MUNGKIR/PECAH KONTRAK	TARIKH HAD MASA TINDAKAN	BAKI HUTANG PADA 31.12.2021 (RM)
1.	P8	50,000	01.09.1990	01.09.1996	100
2.	P9	106,169	01.10.1990	01.10.1996	18,768
3.	P10	188,259	01.08.1991	01.08.1997	1,000
4.	P11	5,000	01.11.1995	01.11.2001	5,000
5.	P12	20,000	01.11.1995	01.11.2001	2,600
6.	P13	24,812	29.01.1999	29.01.2005	7,162
7.	P14	31,151	20.03.2000	20.03.2006	6,026
8.	P15	35,000	07.08.2004	07.08.2010	26,168
9.	P16	35,000	22.09.2006	22.09.2012	30,400
10.	P17	53,528	10.04.2010	10.04.2016	52,529
<b>JUMLAH</b>		<b>548,919</b>			<b>149,753</b>

Sumber: Jabatan Bendahari dan PPUU UKM

- e. Kelewatan mengambil tindakan terhadap 10 penghutang ganti rugi cuti belajar yang gagal membuat bayaran antara tahun 1990 hingga 2010 menyebabkan UKM mengalami kerugian berjumlah RM149,753 yang telah dihapus kira pada tahun 2021.

### **Maklum balas UKM yang diterima pada 7 September 2022**

PPUU UKM berusaha menyemak dan mengenal pasti status tindakan terkini daripada pihak agensi kutipan hutang sama ada usaha kutipan berjaya dilaksanakan atau tidak sebelum tindakan hapus kira diambil. Susulan itu, keputusan untuk menghapus kira hutang-hutang lama/ragu diambil hanya selepas segala usaha kutipan bayaran balik tuntutan gagal di peringkat agensi kutipan hutang (termasuk atas faktor penghutang tidak dapat dikesan).

Kertas kerja hapus kira hutang bagi kes-kes penghutang tersebut telah dikemukakan ke urusetia Jawatankuasa Tetap Kewangan (JKTK) pada 6 Ogos 2020 untuk kelulusan ahli mesyuarat. Namun, data penghutang tersebut masih belum diluluskan untuk tindakan hapus kira oleh JKTK dan ini adalah diluar kawalan PPUU UKM.

PPUU UKM kemudiannya mengemukakan semula kertas kerja hapus kira pada tahun 2021 bagi kes yang belum diluluskan. JKTK melalui mesyuarat Bilangan 4 Tahun 2021 telah meluluskan permohonan tersebut memandangkan segala usaha kutipan tidak berjaya.

**Pernyataan Audit** | **Kelewatan mengambil tindakan terhadap penghutang yang gagal membuat bayaran menyebabkan UKM kehilangan hasil berjumlah RM149,753 akibat hapus kira hutang.**

#### **4.2. Baki Tuntutan Ganti Rugi Cuti Belajar RM0.23 Juta Tidak Dapat Dituntut dan Ganti Rugi Cuti Belajar Secara *In-Kind* RM0.63 Juta Tidak Dilaksanakan**

4.2.1. Pihak Audit telah membuat semakan lanjut terhadap fail Penghutang X yang telah menerima empat tajaan biasiswa berjumlah RM1.25 juta bagi tempoh sembilan tahun, iaitu antara tahun 2000 hingga 2013. Tajaan biasiswa yang terakhir ialah tajaan bagi pengajian doktor falsafah dalam bidang perubatan, iaitu Cardiovascular Medicine di University of Oxford, United Kingdom dengan kos berjumlah RM0.54 juta. Penghutang X telah menamatkan pengajian doktor falsafah tetapi telah gagal melapor diri bertugas mengikut tempoh yang dipersetujui.



4.2.2. Semakan Audit mendapati Penghutang X telah menerima Surat Notis Penamatan Perkhidmatan bertarikh 9 November 2016 yang berkuat kuasa pada 9 Disember 2016. Penghutang X ditamatkan perkhidmatan kerana gagal melaporkan diri selepas pulang daripada cuti belajar pada 26 Ogos 2016. Bagi semua program pengajian yang telah diambil, Penghutang X perlu berkhidmat selama 18 tahun namun mempunyai baki ikatan kontrak selama 14 tahun tujuh bulan dan 18 hari.

4.2.3. Pada bulan Mei 2017, pihak UKM telah memulakan tindakan dengan mengemukakan surat tuntutan ganti rugi kepada Penghutang X. Jumlah kos pecah kontrak dan butiran lengkap yang telah dibelanjakan UKM terhadap Penghutang X adalah seperti dalam **Jadual 4.6**.

**JADUAL 4.6**  
**KOS PECAH KONTRAK DAN JUMLAH ANSURAN BULANAN PENGHUTANG X**

BIL.	PROGRAM PENGAJIAN	TEMPAT PENGAJIAN	TEMPOH PENGAJIAN	TEMPOH PERLU BERKHIDMAT (Tahun) (a)	TEMPOH PERKHIDMATAN (b)	BAKI PERLU BERKHIDMAT (a-b)	ANSURAN BULANAN (RM)	JUMLAH TUNTUTAN SEBENAR (RM)
1.	Sarjana Perubatan (Penyakit Dalaman)	Universiti Kebangsaan Malaysia	01.12.2000 – 30.11.2004 (4 tahun)	4	25.11.2004 – 31.07.2006 (1 tahun, 8 bulan dan 6 hari)	2 tahun, 3 bulan dan 24 hari	1,422	227,569
2.	Latihan Pengkhususan (Sub-bidang Kardiologi)	Institut Jantung Negara, Malaysia	01.08.2006 – 31.07.2007 (1 tahun)	3	01.08.2007 – 31.03.2009 (1 tahun dan 8 bulan)	1 tahun dan 4 bulan	984	91,874
3.	Latihan Pengkhususan (Sub-bidang Kardiologi)	Imperial College of London, United Kingdom	01.04.2009 – 01.04.2010 (1 tahun)	5	19.04.2010 – 24.04.2010 (6 hari)	4 tahun, 11 bulan dan 24 hari	2,465	394,430
4.	Doktor Falsafah (Cardiovascular Medicine)	University of Oxford, United Kingdom	25.04.2010 – 24.04.2013 (3 tahun)	6	Tidak berkhidmat semula, ditamatkan perkhidmatan pada 09.12.2016	6 tahun	3,367	538,644
<b>JUMLAH</b>				<b>18</b>	<b>3 tahun, 4 bulan dan 12 hari</b>	<b>14 tahun, 7 bulan dan 18 hari</b>	<b>8,238</b>	<b>1,252,517</b>

Sumber: PPUU UKM

4.2.4. Penghutang X telah mengemukakan e-mel rayuan kepada pihak UKM bagi pertimbangan supaya dilantik sebagai pensyarah perubatan kontrak UKM dengan gaji dan elaun dibayar oleh pihak University of Oxford. Antara tempoh bulan Mei 2018 hingga November 2019, BSM UKM telah mengemukakan e-mel tuntutan dan susulan sebanyak lima kali. Bagi perjanjian biasiswa sedia ada, tindakan mahkamah hanya boleh diambil sehingga bulan November 2021, iaitu enam tahun selepas tarikh pelanggaran kontrak berlaku.

4.2.5. Pada bulan Februari 2020, PPUU UKM telah membawa kertas berhubung kes ini ke peringkat LPU bagi memaklumkan permohonan dan rayuan Penghutang X untuk

pertimbangan pengurusan UKM. Secara umumnya, pada Mesyuarat LPU Bilangan 2 Tahun 2020, LPU telah mengambil maklum Penghutang X sedia menyelesaikan tuntutan dan telah menawarkan beberapa cadangan penyelesaian. LPU telah bersetuju untuk melaksanakan tindakan undang-undang terhadap Penghutang X bagi melindungi kepentingan Universiti. Sebuah firma guaman telah dilantik bagi mengendalikan kes tuntutan tersebut.

4.2.6. Pada 13 Julai 2020, Notis Tuntutan telah dikeluarkan oleh pihak peguam kepada Penghutang X dan Penghutang X telah mengesahkan penerimaan tuntutan tersebut pada 20 Julai 2020. Penghutang X telah memulakan bayaran pendahuluan sebanyak RM10,000 pada 24 Julai 2020. Penghutang X sekali lagi telah mengemukakan e-mel kepada pengurusan UKM dengan memohon pertimbangan pengurangan 50% daripada jumlah keseluruhan tuntutan dan 50% lagi dibayar secara *in-kind* atau sumbangan beliau. Pihak peguam telah mengemukakan pandangan dengan memberi pilihan tindakan, iaitu:

- a. Meneruskan tuntutan sebanyak RM1.25 juta dengan memasuki perjanjian penyelesaian dengan Penghutang X, iaitu menjelaskan secara ansuran. Peguam juga menegaskan keperluan perjanjian penyelesaian tersebut ditandatangani oleh Penghutang X dan kelima-lima penjamin supaya UKM tidak kehilangan hak tuntutan dengan menguatkuasakan perjanjian terhadap penjamin-penjamin.
- b. UKM boleh meminta Penghutang X menjelaskan bayaran pendahuluan sebanyak RM0.25 juta sebelum 15 Oktober 2020 dan baki secara ansuran sebanyak RM10,000 pada setiap bulan hingga selesai.
- c. UKM pertimbangkan cadangan Penghutang X untuk memberi sumbangan secara *in-kind* dengan perincian cadangan. Pihak peguam juga telah memberi peringatan pilihan ini akan mengambil masa panjang untuk muktamad dan boleh menyebabkan kes ini melepasi had masa bagi mengambil tindakan undang-undang.

4.2.7. Mesyuarat Khas LPU Bilangan 2 Tahun 2020 pada 10 Ogos 2020 telah meluluskan penyelesaian hutang berjumlah RM1.25 juta dengan membayar separuh, iaitu 50% secara tunai dari jumlah keseluruhan dan separuh lagi dalam bentuk *in-kind* yang dapat memberi manfaat kepada UKM. Susulan keputusan ini, pihak peguam menegaskan keperluan persetujuan jaminan daripada penjamin-penjamin perlu diperolehi bagi memastikan Penghutang X menjelaskan keseluruhan jumlah tuntutan dan penjamin-penjamin berpengetahuan penuh dan bersetuju dengan penyelesaian tersebut. Bagaimanapun, Pengerusi LPU telah memutuskan persetujuan

dengan Penghutang X tersebut tidak memerlukan persetujuan daripada penjamin-penjamin. Sehubungan itu, pihak peguam telah mengemukakan Surat Persetujuan kepada Penghutang X sahaja dan ia telah ditandatangani pada 4 September 2020 bersama saksi. Berdasarkan maklumat daripada PPUU UKM, Surat Persetujuan yang ditandatangani adalah terikat dari segi undang-undang dan tarikh luput Akta Had Masa 1953 [*Akta 254*] yang baharu adalah pada 20 September 2026, iaitu enam tahun selepas Surat Persetujuan tersebut ditandatangani.

4.2.8. Berasaskan perjanjian baharu, Penghutang X telah membuat bayaran bulanan, iaitu RM10,000 sebulan mulai bulan Oktober 2020 sehingga Februari 2021. Bagaimanapun, pada bulan Februari 2021, Penghutang X telah mengemukakan e-mel yang memohon pengurangan bayaran ansuran bulanan daripada RM10,000 kepada RM5,000. Pihak LPU telah meluluskan pengurangan tersebut untuk tempoh setahun, iaitu mulai bulan Julai 2021 hingga Jun 2022, walaupun pihak peguam telah menjelaskan keperluan pematuhan terhadap perjanjian baharu yang telah ditandatangani. Pihak peguam juga menjelaskan kesan pengurangan tersebut akan menyebabkan tempoh penyelesaian keseluruhan baki tuntutan RM566,258.31 akan menjadi lebih panjang, iaitu kepada sembilan tahun (sekitar tahun 2030). Tempoh ini juga melebihi tempoh had masa enam tahun bagi menguatkuasakan Surat Persetujuan yang berakhir pada bulan September 2026.

4.2.9. Penghutang X telah membuat bayaran RM10,000 bagi bulan Mac hingga Mei 2021 tetapi tiada bayaran diterima bagi bulan Jun hingga Ogos 2021, iaitu selepas tempoh penangguhan tamat. Bagaimanapun, Penghutang X mula membuat bayaran balik berjumlah RM5,000 sebulan mulai bulan September 2021 hingga kini. Mengikut kelulusan LPU tempoh pengurangan bayaran adalah bagi tempoh setahun, iaitu mulai bulan Julai 2021 hingga Jun 2022 sahaja. Bagaimanapun, penyesuaian semula ansuran kepada RM10,000 mulai Julai 2022 masih belum dibuat oleh pihak UKM selepas tempoh pengurangan bayaran tamat pada Jun 2022. Pengiraan anggaran atau potensi kehilangan hasil UKM kesan pengurangan ansuran adalah seperti dalam **Jadual 4.7**.

**JADUAL 4.7**  
**ANGGARAN ATAU POTENSI**  
**KEHILANGAN HASIL UKM KESAN PENGURANGAN ANSURAN**

BIL.	TEMPOH	TINDAKAN	JUMLAH (RM)
1.	Julai 2020	Bayaran pendahuluan	10,000
2.	Oktober 2020 hingga Mei 2021 (8 Bulan)	Bayaran RM10,000 sebulan	80,000
3.	Jun 2021 hingga Ogos 2021 (3 bulan)	Tiada bayaran dibuat	-
4.	September 2021 hingga Disember 2022 (16 bulan)	Bayaran RM5,000 sebulan	80,000

BIL.	TEMPOH	TINDAKAN	JUMLAH (RM)
5.	Januari 2023 hingga September 2026 (45 bulan)	Jangkaan bayaran RM5,000 sebulan	225,000
<b>Anggaran jumlah keseluruhan bayaran yang dijelaskan oleh Penghutang X dalam tempoh 6 tahun</b>			<b>395,000</b>
<b>Anggaran baki tuntutan yang tidak dapat dijelaskan dalam tempoh 6 tahun (RM626,259 - RM395,000)</b>			<b>231,259</b>

Sumber: PPUU UKM

4.2.10. Pihak JAN dimaklumkan UKM berpotensi kerugian sebanyak RM231,259 kerana kutipan tuntutan selepas bulan September 2026 hanya boleh dibuat secara pentadbiran sahaja kerana dibatasi Akta Had Masa 1953 [*Akta 254*].

4.2.11. Selain anggaran tersebut, pihak UKM juga telah menanggung kos khidmat guaman sepanjang tempoh mengendalikan kes Penghutang X yang berjumlah RM16,247.

4.2.12. Semakan Audit sehingga bulan Disember 2022, Penghutang X juga telah gagal melaksanakan sumbangan secara *in-kind* berjumlah RM0.63 juta yang telah dicadang dan dipersetujui untuk dilaksanakan, iaitu:

- a. menyelia pelajar-pelajar sarjana dan doktor falsafah UKM;
- b. memberi pengajaran untuk pelajar peringkat sarjana dan pascasiswazah;
- c. mendapatkan geran penyelidikan dari pihak luar dalam penyelidikan bersama di UKM/Malaysia;
- d. menggalakkan kerjasama penyelidikan antara pensyarah UKM dan University of Oxford;
- e. membuka peluang untuk pelajar/pensyarah UKM menjalani doktor falsafah atau latihan penyelidikan di University of Oxford; dan
- f. afiliasi UKM dalam penerbitan yang berkenaan.

4.2.13. Pihak Audit juga mendapati **cadangan *in-kind* yang disenaraikan adalah terlalu umum yang berasaskan kepada kehendak Penghutang X dengan tidak menyatakan secara terperinci dari aspek jumlah dan tempoh masa (seperti jumlah pelajar yang perlu diselia, jumlah geran penyelidikan yang perlu diperolehi dan jumlah jam pengajaran kepada pelajar sarjana dan pascasiswazah dan sebagainya)** yang perlu dipenuhi oleh Penghutang X.

4.2.14. Semakan lanjut mendapati, **cadangan *in-kind* yang diluluskan oleh LPU tidak dipersetujui oleh Fakulti Perubatan UKM kerana tiada pensyarah yang terlibat dalam kajian bidang penyakit jantung**

**kardiomiopati serta UKM tidak mempunyai perjanjian kerjasama penyelidikan dengan University of Oxford.** Pihak LPU juga telah dimaklumkan berhubung perkara ini.

4.2.15. Bagi kes Penghutang X ini, keseluruhannya pihak UKM berpotensi kerugian hasil berjumlah RM0.86 juta kesan pengurangan bayaran ansuran bulanan dan tiada pelaksanaan *in-kind* yang dipersetujui dalam perjanjian baharu. UKM juga mempunyai kesukaran untuk menguatkuasakan perjanjian baharu tersebut terhadap penjamin-penjamin kerana tiada tandatangan diperoleh.

#### **Maklum balas UKM yang diterima pada 20 Julai 2022 dan pandangan PPUU UKM bertarikh 20 Oktober 2022**

Peguam panel telah menasihati agar Perjanjian Penyelesaian Hutang dimeterai kerana jumlah pengurangan yang besar serta dibalas dengan *in-kind*. Bagaimanapun, pihak LPU hanya bersetuju supaya Penghutang X menandatangani surat persetujuan untuk memberi sumbangan secara *in-kind* dan menjelaskan baki tuntutan yang diluluskan. Persetujuan hanya dibuat antara Penghutang X dan UKM dan tiada sebarang arahan terperinci oleh LPU untuk mendapatkan pengesahan daripada University of Oxford.

LPU merupakan Pihak Berkuasa Tertinggi Universiti yang berperanan sebagai badan yang mengelola, membuat dasar dan mengawasi Universiti. Lembaga berfungsi berdasarkan peruntukan dalam Perlembagaan UKM dalam menentukan sebarang dasar Universiti mencakupi aspek kewangan, sumber manusia, penyelidikan, pembangunan, pengurniaan ijazah, pelaburan dan pelantikan.

PPUU UKM telah memberikan pandangan dan menjelaskan bahawa tiada sebarang peraturan mahupun ketetapan yang memberi kuasa kepada pihak LPU untuk mengubah sebarang perjanjian yang telah ditandatangani oleh Universiti dengan pihak ketiga. Bagaimanapun, Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 1998 menyatakan LPU bertanggungjawab dalam urusan pemberian pinjaman, namun adalah termaktub bahawa setiap perkara tersebut mestilah diurus berdasarkan kepada peraturan, polisi, dasar dan ketetapan yang berkuat kuasa. Bagi kes Penghutang X, perjanjian yang ditandatangani menetapkan bahawa ganti rugi hendaklah dijelaskan melalui bayaran tunai dan tiada sebarang klausa mahupun mana-mana ketetapan yang membenarkan pembayaran ganti rugi tersebut dibuat dengan kaedah selain pembayaran wang tunai. Oleh yang demikian, perjanjian seharusnya dihormati dan dilaksanakan sepenuhnya.

## Maklum balas UKM yang diterima pada 30 Disember 2022

Mesyuarat LPU pada 8 Disember 2022 memutuskan:

- a. penetapan semula kadar ansuran bulanan yang perlu dijelaskan oleh Penghutang X kepada RM10,000 sebulan sebagaimana yang dipersetujui melalui Surat Persetujuan bertarikh 4 September 2020; dan
- b. membatalkan persetujuan sebelum ini yang memberikan pengurangan 50%, iaitu RM0.63 juta kepada Penghutang X kerana telah gagal memberikan sumbangan secara *in-kind* dan Penghutang X perlu menjelaskan pembayaran secara tunai bagi jumlah RM0.63 juta tersebut. Oleh itu, jumlah tuntutan kembali kepada jumlah asal, iaitu RM1.25 juta. Tindakan tuntutan ini juga akan diteruskan dengan tindakan mahkamah jika Penghutang X ingkar terhadap Notis Tuntutan yang dikeluarkan oleh pihak PPUU UKM.

**Pernyataan Audit** | **Kelulusan penangguhan dan pengurangan bayaran ansuran daripada RM10,000 kepada RM5,000 sebulan menyebabkan tempoh bayaran hutang akan melebihi tempoh had masa yang ditetapkan mengikut Akta Had Masa 1953 [Akta 254]. Ini menyebabkan UKM akan kehilangan hasil berjumlah RM231,259. Keputusan LPU meluluskan bayaran balik mengikut cadangan Penghutang X menyebabkan Ganti Rugi Cuti Belajar berjumlah RM0.63 juta gagal dikutip.**

### 5. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, UKM telah melaksanakan pelan strategik T.E.R.A.S UKM 2021-2025 untuk meningkatkan hubungan kerjasama dengan universiti tersohor dan menggalakkan kakitangan akademik mengikuti program sabatikal/penyelidikan/kursus/latihan jangka pendek di dalam dan luar negara bagi meningkatkan kepakaran dalam bidang yang telah dikenal pasti. Bagaimanapun, berdasarkan skop dan sampel Audit, sejumlah RM1.50 juta tuntutan ganti rugi cuti belajar tidak dapat dikutip oleh UKM dari tahun 2015 hingga 2021 kerana kurang pemantauan dan tidak konsisten dalam mematuhi Proses Kerja Tuntutan Ganti Rugi Cuti Belajar yang telah ditetapkan. Ketiadaan penetapan peranan yang jelas antara LPU dan pengurusan UKM dalam pentadbiran Penghutang Ganti Rugi Cuti Belajar telah menyebabkan keputusan berkaitan tuntutan ganti rugi cuti belajar tidak dibuat dengan konsisten bagi setiap kes. Selain itu, ulasan dan cadangan daripada PPUU dalam hal tuntutan ganti rugi bagi menjamin kepentingan UKM dan wang awam tidak diberi perhatian sewajarnya.

## 6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang pada masa hadapan, adalah disyorkan pihak UKM mengambil tindakan seperti berikut:

6.1. mengkaji proses dan kawalan dalaman dengan menetapkan tempoh tertentu untuk mengambil tindakan mahkamah serta memastikan penerima biasiswa berkhidmat mengikut kontrak yang ditetapkan bagi mengelakkan UKM kehilangan hak menuntut ganti rugi ke atas penghutang. Kawalan dalaman juga perlu untuk memastikan tiada pakatan dalaman secara nyata atau tidak nyata yang memberi kesan terhadap ansuran bayaran balik ganti rugi cuti belajar hingga melebihi tempoh Akta Had Masa 1953 [*Akta 254*];

6.2. menyediakan perjanjian baharu bagi setiap perubahan syarat atau terma perjanjian yang diluluskan kepada penghutang dan penjamin untuk memastikan UKM berpeluang mendapatkan kembali tuntutan ganti rugi sekiranya penghutang masih ingkar; dan

6.3. peranan antara LPU dan pengurusan UKM perlu dinyatakan dengan jelas bagi memastikan kedua-duanya melaksanakan peranan masing-masing mengikut bidang kuasa yang telah ditetapkan. LPU bertanggungjawab sebagai pembuat dasar dan tidak terlibat dalam membuat keputusan pelaksanaan dasar berkenaan. Sementara itu, pihak pengurusan UKM pula bertanggungjawab menyediakan serta memutuskan tatacara pelaksanaan yang bersesuaian bagi memastikan dasar berkenaan dilaksanakan dengan teratur dan mematuhi undang-undang serta peraturan yang berkaitan.